

Cari jalan terbaik noktahkan ‘kemelut’ *

Kuala Lumpur: Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA) menyarankan isu berkaitan penggunaan kalimah Allah dibawa ke Parlimen supaya perundangan sedia ada atau perkara berkaitan dapat diteliti, sekali gus menoktahkan terus isu menganainya.

Sehubungan itu, Timbalan Presidennya, Hisham Marzuki, berkata PEMBELA berharap pemimpin Islam dalam kerajaan mempunyai iltizam politik untuk mencari jalan terbaik menoktahkan isu berkenaan.

“Kami rasa perkara ini perlu diteliti semula, guna mekanisme bersesuaian untuk naratif ini supaya tak ada isu berkaitan keharmonian antara agama dan kaum, khususnya pemakaian konsep terma (tertentu) yang dinyatakan di Malaysia Timur dan Malaysia Barat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), di sini, semalam yang turut disertai Presiden PEMBELA, Muhammad Hishamuddin; Setiausaha Agungnya, Mohd Aswanizam Alias dan wakil 11 badan bukan kerajaan (NGO) lain.

NGO berkenaan, termasuk Per-

tubuhan Pribumi Perkasa (PERKASA), Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) dan Majlis Perunding Melayu (MPM).

Hisham turut meminta kerajaan memberi penjelasan dan bukti perundangan bahawa penggunaan kalimah Allah bagi penerbitan bahan agama selain Islam hanya terpakai di Sarawak kerana pihaknya bimbang bahan penerbitan biasanya mudah tersebar melangkaui negeri.

“Kalau dikatakan ia terpakai di Sabah dan Sarawak, kena tunjukkan seksyen (undang-undang) mana.

“Kedua, perlu juga tunjuk akta mana diguna dalam kehakiman, yang kata ia terpakai di Sabah dan Sarawak sahaja dan tak terpakai untuk Malaysia Barat?

“Iktukan pembacaan saya, tak ada lagi (akta) khusus mengenai (kalimah Allah) secara khusus terpakai di Malaysia Timur. Jika ada, mohon maklumkan,” kata dia turut mempersoalkan justifikasi mengapa kes berkenaan sebelum ini tidak difailkan di mahkamah di Sarawak.

“Kena tengok sejarah kes, bermula pada 2008 difailkan di mahkamah di Kuala Lumpur, kemudian diminta dibicarakan semula

pada 2021 susulan beberapa isu. Kalau benar penerbitan (guna kalimah Allah dalam bahan penerbitan agama selain Islam) terpakai di Sarawak, kenapa tak difailkan di mahkamah Sarawak?

“Dalam keputusan hakim pun, tak ada dikatakan ini terpakai di Sabah, Sarawak. Kita faham ia terpakai seluruh negara,” katanya memaklumkan, pihaknya akan membincangkan lebih terperinci perintah mahkamah berhubung kes itu yang didakwa melanggar Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan.

Sementara itu, Timbalan Mufti Perak Datuk Zamri Hashim meminta kerajaan mengambil kira dan menghormati keputusan Jawatankuasa Muzakarah, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal U管家 Islam (MKI) dalam isu penggunaan kalimah Allah.

Ketika dihubungi, beliau berkata, ketetapan dikeluarkan pada 2008 adalah selaras kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan bagi memelihara kesu-

cian nama Allah daripada sebarang bentuk penyelewengan serta salah guna.

“Sepatutnya kalimah Allah hanya merujuk kepada ‘Allah SWT yang Maha Esa’. Ada beberapa negeri mewartakan keputusan ini, termasuk Perak. Fatwa penggunaan kalimah Allah pada 2010 hanya merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa dalam agama Islam,” katanya.



Zamri Hashim

Stradi pada kakar
Mufti Pulau Pinang,
Datuk Seri Dr Wan
Salim Wan Mohd
Noor, berpandangan

langkah terbaik adalah menyerahterahkan kepada pihak yang ahli dan mempunyai kepakaran dalam konteks isu berkenaan bagi mencari penyelesaian adil untuk semua pihak terbabit.

Mengikut laporan media, katanya, Peguam Kanan Persekutuan berpandangan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah terkhilaf dalam keputusan dibuat pada 10 Mac 2021 yang membentarkan kalimah Allah digunakan oleh agama selain Islam.

Jelas Wan Salim, sebaiknya itu juga dirujuk kepada Majlis Raja-Raja kerana Sultan atau Raja adalah ketua agama Islam di negeri masing-masing, manakala Yang di-Pertuan Agong ketua agama di negeri yang tiada Raja atau Sultan.

“Khusus di Pulau Pinang, Jawatankuasa Fatwa Negeri pada mesyuarat 5 Mei 2008 memutuskan bahawa kalimah Allah hendaklah hanya digunakan secara eksklusif untuk agama Islam dan umat Islam.

“Jika ada mana-mana orang guna kalimah Allah sebagai nama tuhan dalam agama selain Islam, ia dianggap menghina kesucian Islam.

“Kebebasan beragama untuk pengikut agama lain bersyarat tidak melangkaui had sempadan agama Islam,” katanya.

Katanya, isu berkaitan kalimah Allah amat sensitif dan berkait rapat dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, sekali gus tidak wajar disentuh oleh mana-mana pihak dengan apa alasan sekali pun.

“Ini demi pelihara harmoni warga Malaysia yang terdiri pelbagai kaum berbeza agama, keturunan dan budaya,” katanya.